

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SETEM DAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA
MUZIUM KESENIAN ISLAM MALAYSIA
DI MUZIUM KESENIAN ISLAM MALAYSIA
6 APRIL 2000

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yayasan AlBukhary kerana sudi menjemput saya ke majlis ini pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada muzium kesenian Islam Malaysia dan Pos Malaysia Berhad di atas kejayaan mereka menghasilkan setem pos kenangan dan sampul surat hari pertama. Saya berdoa agar kerjasama untuk menyebarkan keindahan kesenian Islam ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

2. Setem telah menjadi salah satu cara atau medium untuk menyampaikan mesej politik, keagamaan ataupun sosial kepada masyarakat. Kalau dipandang dari satu sudut, kita boleh mengikut perkembangan satu-satu masyarakat melalui keluaran setem negara itu. Di negara kita sendiri, kalau ada yang masih ingat, salah satu setem yang kekal di dalam ingatan saya adalah setem yang menunjukkan empat tangan berganding melambangkan masyarakat majmuk yang berganding bahu untuk mendirikan Malaysia yang bersatu padu.

3. Di negara Iran, misalnya, setem-setem yang dikeluarkan selepas revolusi islam menunjukkan bagaimana negara itu berkembang selepas zaman Shah Iran. Kebanyakan negara juga menggunakan setem untuk menonjolkan kebudayaan dan kesenian negara mereka. Kadangkala, setem dikeluarkan untuk mengingatkan peristiwa yang bersejarah. Dengan ertikata lain, "every stamp tells a story. Dari setiap setem, kita dapat menambah pengetahuan kita.

4. Setem kenangan yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia bertemakan muzium kesenian islam malaysia boleh memupuk kefahaman, penghayatan seni, budaya dan tamadun Islam kepada masyarakat di dalam dan di luar negara. Setem pos kenangan-kenangan dan sampul surat hari pertama yang melambangkan muzium kesenian Islam amnya dan seni yang terkandung didalamnya khususnya, bertepatan sekali dilancarkan pada hari yang mulia ini bersempena tahun baru Islam.

5. Sememangnya banyak pengajaran yang boleh diperolehi dalam pengertian setem dan juga hijrah itu sendiri. Hijrah membuktikan bahawa Islam itu global dan setem pula merupakan alat komunikasi tradisi yang penting dalam kehidupan harian. Iktibar yang boleh diambil dari konsep ini dirakamkan dalam sebetuk setem yang saudara dan saudari saksikan hari ini. Pelbagai setem dan sampul surat hari pertama yang direka oleh pos malaysia telah melambangkan betapa indahnya kesenian islam ditambah pula dengan edisi terbaharu yang menonjolkan muzium kesenian Islam Malaysia. Saya berdoa agar usaha murni untuk mengembangkan kesenian islam melalui setem akan membawa hasil.

6. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan sekali lagi komitmen kerajaan Malaysia untuk sentiasa prihatin akan perkembangan syiar Islam termasuk kesenian islam sendiri. Usaha kerajaan telah dapat dibuktikan sama ada diperingkat

antarabangsa ataupun dalam negara sendiri. Muzium ini merupakan satu daripada kejayaan kerajaan Malaysia. Kerajaan akan terus menyokong usaha-usaha seperti yang dikendalikan oleh Yayasan AlBukhary dalam segala usaha kearah untuk mengembangkan syiar Islam.

Saudara-saudari,

7. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Pos Malaysia di atas penghasilan setem-setem yang begitu menarik dan popular. Kerjasama yang erat di antara Pos Malaysia dan badan-badan bukan kerajaan seperti kita perhatikan hari ini hendaklah dikekalkan untuk faedah rakyat yang berminat dalam bidang filateli.

8. Di sini, saya ingin membuat cadangan kepada Pos Malaysia supaya mengatur strategi untuk mengalakkan rakyat kita mengambil minat yang lebih besar dalam bidang filateli. Saya masih ingat semasa saya kecil, antara satu hobi yang paling mengemarkan murid-murid sekolah ialah pengumpulan setem. Di sekolah, kita akan bertukar-tukar setem dengan sahabat handai kita.

9. Hobi ini bukan sahaja berfaedah dari segi pelajaran tetapi ianya juga mengelak anak-anak muda membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Hobi ini pun pada dasarnya tidak menelan belanja yang besar.

10. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah saya kepada yayasan albukhary dan muzium kesenian Islam Malaysia di atas kejayaan mereka mengatur dan merancang acara-acara yang dapat menarik minat orang ramai mengunjungi muzium ini. Insya Allah, dengan sokongan orang ramai dan kerajaan, muzium kesenian islam akan menjadi sebuah muzium yang ternama bukan sahaja di Asia tetapi di serata dunia.

11. Dengan kata-kata tadi, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacita melancarkan setem pos kenang-kenangan dan sambul surat hari pertama muzium kesenian Islam Malaysia.

Terima kasih.